


RINGKASAN KESELURUHAN

LNK 2021 SIRI 2 PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SECARA INFOGRAFIK

5 syarikat mencapai objektif | **2** syarikat tadbir urus korporat baik | **3** syarikat kedudukan kewangan stabil



MyCEB

memberi bantuan sokongan dan insentif penganjuran acara perniagaan dan sukan antarabangsa

- 101% - 5,139% pencapaian KPI (2019 - 2021).
- KPI tahun 2019 **tidak menggambarkan pencapaian sebenar** kerana mengambil kira acara yang belum berlangsung.
- RM12 juta** lebih perbelanjaan mengurus berbanding peruntukan diterima (2019 - 2021).
- Pencapaian Pelan Strategik **MyCEB tidak dibincang, dipantau dan dinilai** oleh Lembaga Pengarah.

MARA Liner

menjalankan perniagaan *fleet carriers*

- RM15.92 juta** kerugian bas berhenti-henti & bas ekspres (2019 - 2021).
- 11 (2019) & 10 (2020) daripada 13 indikator** KPI aspek fizikal tidak capai sasaran.
- Pencapaian perkhidmatan bas berhenti-henti antara **55.8% - 75.8%** (2020 - Julai 2022).

FELCRA

melaksanakan program Penyatuan dan Pemulihan serta perniagaan komersial

- 16,113 hektar** penguncupan keluasan ladang program Penyatuan & Pemulihan.
- RM67.14 juta** dividen belum agih terkumpul kepada peserta (setakat April 2022).
- 73 (32.2%) daripada 227** tenaga kerja asing tinggal lebih tempoh sah laku Pas Lawatan Kerja Sementara.
- Tiada pembayaran dividen** oleh syarikat subsidiari (2019 - 2021).
- Kedudukan kewangan tidak dapat dirumuskan & pembayaran dividen kepada Kerajaan tidak dapat dibuat** kerana **pengauditan penyata kewangan tahun 2019, 2020 & 2021 belum dimuktamadkan**.

ITPSB

menjalankan perniagaan universiti swasta

- 3 daripada 5 KPI** tidak mencapai sasaran (2019 - 2021).
- 31.9% hingga 98.2%** prestasi pengambilan pelajar baharu (2019 - Julai 2022).
- RM58.35 juta** hapus kira hutang tertunggak mulai tahun 2019.

IKIM

menjalankan aktiviti berkaitan Islam melalui penyelidikan dan perundingan, penerbitan, media, seminar/bengkel/forum dan latihan

- Kesemua **10 KPI utama** tidak dicapai (**53.8% - 96.6%**).
- Sasaran tidak dicapai: **liputan media** peringkat kebangsaan tahun 2020 (**65.5%**) & bilangan **resolusi/laporan penyelidikan** diserahkan tahun 2021 (**33.3%**).
- Penurunan ranking** radio, penonton TV IKIM & *likes* Facebook.
- 44%** rancangan radio disiarkan tanpa kelulusan Ketua Pengarah.
- Koleksi Tamadun Islam **RM10.16 juta** & tanah **RM37.24 juta** tidak dimanfaatkan.

Grand Borneo

mengurus resort Kumpulan Felda Residence

- 42.9% & 67.5%** kadar pengisian bilik tidak mencapai sasaran ditetapkan (2020 & 2021).
- Perkongsian keuntungan **tidak dapat ditentukan**.
- RM49.88 juta** kerugian terkumpul tahun 2020.
- RM225,626 (33.5%)** hutang melebihi 120 hari.
- 8 aspek** tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.

35 Syor Audit